

KKTKW 18/4/2.01/(6)



Ibu Pejabat Jabatan Ukur
Semenanjung Malaysia
Jalan Gurney
Kuala Lumpur 15-02

9 hb. Ogos, 1982.

PEK. KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 6 TAHUN 1982
Jimatkan Tenaga Manusia
Bilangan Penghadir Di dalam Mesyuarat

Adalah diperhatikan bahawa bilangan pegawai ke pelbagai mesyuarat / jawatankuasa telah melebihi bilangan yang memadai. Kalau bilangan pegawai telah melebihi yang diperlukan oleh maksud mesyuarat / jawatankuasa, kesan-kesan buruk seperti berikut akan timbul :

- (a) Mesyuarat / jawatankuasa akan terlampau besar, (unwieldy) iaitu sukar dikawal dan terlampau banyak masa dibuang, akhirnya mungkin tidak dapat mencapai matlamatnya;
 - (b) Terlampau banyak tenaga manusia serta perbelanjaan akan dibazirkan; dan
 - (c) Sebilangan besar daripada mereka yang terlibat tidak dapat memberi sumbangan yang berkesan.
2. Adalah dengan ini ditegaskan bahawa Bahagian atau Jabatan hendaklah menghadkan keanggotaan jawatankuasa-jawatankuasa kepada seberapa kecil yang boleh. Dengan cara ini bukan sahaja pengerusi dapat memimpin mesyuarat dengan lebih senang dan mencapai keputusan dengan tidak membazirkan masa, tetapi juga kerugian tenaga manusia dapat dihadkan ke taraf minima di dalam pejabat tuan. Ahli-ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah terdiri daripada mereka yang hanya sebenar-benarnya boleh memberi sumbangan positif dan berkesan kepada perjalanan sesuatu mesyuarat itu.

Sekian , terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

LEONG YIP SUN, JSM.

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Tarikh :9hb. Ogos, 1982.